

# UTHM raih dua emas di Edu-InERI

**MEMENANGI** dua emas, satu perak dan satu gangsa membuktikan kehebatan 10 penuntut Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknik & Vokasional Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional (FPTV) Universiti Tun Hussein Onn (UTHM).

Mereka bersaing dalam *International Exposition Research Innovation in Education 2013* (Edu-InERI 2013) yang dianjurkan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), baru-baru ini.

Kumpulan mereka dibimbing pensyarah Jamil Abd Baser, Noorazman Samad, dan Mohd Hasril Amirudin.

Dua pingat emas yang diperolehi adalah melalui projek *EZ Wrench 5.5* dan *Polygon Master*. Manakala projek *PZ Enhancer* mendapat pingat perak dan *Portable Injector Tester*

pingat gangsa.

Sebanyak 245 mengambil bahagian dalam pameran dan pertandingan tersebut yang dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu penyelidik universiti luar negara, penyelidik institusi pengajian tinggi awam/swasta (IPTA/S), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan penyelidik UPSI.

Selain itu, kategori penuntut luar negara, penuntut IPTA/S/IPGM, penuntut UPSI, politeknik/kolej komuniti dan pelajar serta guru sekolah turut dipertandingkan.

Pertandingan yang dibahagi kepada dua kategori iaitu pendidikan dan bukan pendidikan diadakan di Dewan Besar, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI Proton City, UPSI.



**Ismail Hasni Haim (kanan) dan Zulhaidi Yahaya menunjukkan sijil dan pingat emas yang dimenangi melalui projek EZ Wrench 5.5.**